

20 JAN 1996

Mahathir - Lawat

DR MAHATHIR HABISKAN DUA JAM LAWAT PROJEK INFRASTRUKTUR

LANGKAWI, 20 Jan (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menghabiskan masa kira-kira dua jam melawat beberapa projek infrastruktur di sekitar pulau peranginan bebas cukai ini.

Sejurus selepas tiba, beliau dibawa meninjau projek tebusguna tanah dan projek pemanjangan landasan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi.

Dr Mahathir yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali tiba di sini pada kira-kira pukul 4.15 petang dengan jet eksekutif Tentera Udara Diraja Malaysia.

Yang turut menyambut ketibaan mereka ialah Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian Datuk Abu Bakar Taib dan Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Kuah Datuk Seri Sanusi Junid.

Perdana Menteri kemudian melawat tapak pembinaan jeti "Cruise Ship" di Tanjung Mali berhampiran dengan Pantai Chenang.

Selepas itu, beliau turut meninjau projek jeti kargo Tanjung Lembung dekat Bukit Malut dan beberapa projek di Jeti Kuah.

Esok, Dr Mahathir akan melawat Dataran Lang dan Taman Legenda yang kedua-duanya terletak berdekatan Jeti Kuah.

Kedua-dua projek itu dibina untuk tarikan pelancong. Dataran Lang sudahpun dibuka kepada orang ramai manakala Taman Legenda dijangka sedikit masa lagi.

Sebelum pulang ke ibu negara, Dr Mahathir akan melawat "SPA" ala-Jepun di Hotel Berjaya. -- Bernama.